

**Bil. 17**

**Selasa**

**4 April 2017**



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**



# K A N D U N G A N

## UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah**  
– *YB. Tuan Teo Kok Seong (Rasah)*

[Halaman 1]



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

16. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB

16. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO

47. Yang Berhormat Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]

9. Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. " Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. " Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. " Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. " Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. " Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. " Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]

15. Yang Berhormat Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. " Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. " Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. " Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. " Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. " Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. " Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. " Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. " Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. " Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. " Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. " Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. " Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. " Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. " Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. " Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. " Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. " Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. " Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. " Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. " Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. " Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. " Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. " Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. " Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. " Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. " Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad  
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 4 April 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Peruntukan Penyelenggaraan Sekolah**

**2.34 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang bagi saya menyampaikan ucapan penangguhan mengenai peruntukan penyelenggaraan untuk sekolah-sekolah perlu diturunkan segera demi kepentingan semua.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah kerajaan yang mengambil berat terhadap pendidikan rakyat akan sentiasa berusaha untuk menawarkan perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang terbaik kepada para guru dan anak-anak pelajarinya. Akan tetapi kebelakangan ini, saya telah memerhatikan adanya trend pengurangan peruntukan penyelenggaraan kepada semua aliran sekolah.

Sebagai contoh, dalam Bajet 2015 kerajaan telah memperuntukkan RM800 juta untuk membangunkan dan menyelenggarakan *facility* pendidikan. Daripada jumlah itu, RM450 juta disalurkan kepada sekolah kebangsaan, RM50 juta untuk SJKC, RM50 juta untuk SJKT, RM50 juta untuk sekolah mubaligh, RM50 juta untuk sekolah berasrama penuh, RM50 juta untuk sekolah agama bantuan kerajaan, RM50 juta untuk MRSM, RM25 juta untuk sekolah pondok dan RM25 juta untuk sekolah menengah Cina.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi Bajet 2016 dan Bajet 2017 yang dibentangkan adalah RM500 juta dan RM600 juta disediakan untuk semua sekolah yang berkenaan. Ia telah menunjukkan bahawa terdapat pengurangan peruntukan yang sebanyak RM200 juta sehingga RM300 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah. Selain itu, bagi Bajet 2017, peruntukan penyelenggaraan sekolah menengah kebangsaan Cina (SMKC) yang kebiasaannya diperuntukkan sebanyak RM25 juta setiap tahun telah pun dikecualikan atau terlepas pandang oleh pihak kerajaan. Pihak kementerian perlu menjelaskan mengapakah tiada peruntukan untuk SMKC bagi tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan dalam peruntukan penyelenggaraan untuk sekolah-sekolah ini telah menyebabkan sekolah-sekolah yang sering menghadapi peruntukan yang tidak mencukupi untuk membaik pulih infrastruktur dan kemudahan terpaksa mengutip derma dari ibu bapa atau orang ramai.

Keadaan bertambah buruk ketika Kementerian Pendidikan gagal menurunkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga sekolah kebangsaan menengah Cina bagi tahun 2016 walaupun ia telah dijanjikan oleh Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2016 di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan menurunkan peruntukan kepada SJJC, SJKT, SMJJC pada tahun 2016 merupakan sesuatu yang luar biasa dan jarang berlaku. Bagi rakyat jelata, ia adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dan tidak boleh dimaafkan kerana kesilapan ataupun kekurangan pihak yang tertentu di Kementerian Pendidikan telah menyebabkan sekolah-sekolah yang terlibat terpaksa menanti melebihi setahun untuk mendapat peruntukan untuk membaiki kemudahan mereka yang uzur. Ia juga tidak adil kepada warga guru dan anak-anak pelajar kita.

Saya selaku Ahli Parlimen, berasa amat dukacita terhadap perkara yang saya utarakan di atas. Saya berharap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan yang munasabah dan memastikan insiden kegagalan menurunkan peruntukan kepada sekolah-sekolah tidak akan berlaku lagi demi kepentingan semua warga guru dan juga anak-anak pelajar kita. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**2.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya mula penjelasan saya dengan ayat pertama Yang Berhormat. Sebuah kerajaan yang mengambil berat terhadap pendidikan rakyat akan sentiasa berusaha untuk menawarkan perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang terbaik kepada para guru dan anak-anak pelajarnya. Inilah kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan dan kementerian yang dipimpin oleh Yang Berhormat Padang Terap, ini dia.

Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tentang peruntukan kepada sekolah termasuk penyelenggaraan walaupun perkara ini telah dijelaskan berulang kali dalam persidangan Dewan yang mulia ini. Pelaksanaan pelbagai inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bertujuan meningkatkan kecemerlangan dan kualiti sistem pendidikan negara ke tahap yang setanding dengan negara yang lain. Ini termasuklah meningkatkan kemudahan dan pembangunan fizikal sekolah dengan menyediakan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan pelbagai pendekatan berasaskan keperluan dalam pemberian peruntukan kewangan seperti yang digariskan dalam pelan berkenaan.

Melalui pendekatan ini sekolah yang menghadapi lebih cabaran dalam memenuhi aspirasi sistem akan diberi perhatian yang sewajarnya. Fakta yang perlu diakui oleh semua pihak ialah kerajaan sentiasa menyediakan keperluan pendidikan kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Kerajaan membekalkan pelbagai bantuan dan kemudahan termasuk pengetua, guru besar, guru-guru pelatih dan kakitangan sokongan, bantuan kewangan seperti geran per kapita (PCG) untuk kegunaan mata pelajaran, gaji guru dan perbelanjaan mengurus kepada sekolah. Kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana sekolah sama ada sekolah kebangsaan mahu pun sekolah bantuan modal dalam menentukan jumlah peruntukan yang patut disediakan. Dalam konteks ini, setiap sekolah akan menikmati segala kemudahan yang disediakan mengikut dasar dan kedudukan kewangan kerajaan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited menyediakan peruntukan kepada SJJC dan SJKT. Buktinya peruntukan mengurus sentiasa disalurkan, antara lain melibatkan pembayaran emolument dan pembayaran utiliti seperti elektrik dan juga bil air seperti mana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Peruntukan mengurus bagi tahun 2016 untuk SJJC ialah sebanyak RM2,699,032,889 dan untuk SJKT pula Yang Berhormat Rasah sebanyak RM1,089,594,171. Di samping itu Yang Berhormat, sekolah-sekolah ini juga menerima peruntukan Bantuan Umum, Bantuan Persekolahan melibatkan Bantuan Geran PerKapita, Bantuan Geran Per Kapita (prasekolah), Bantuan Kokurikulum, Bantuan Sukan Sekolah, Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Yuran Khas Sekolah dan Bantuan Makanan Prasekolah. Bantuan Khusus seperti Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform dan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia juga diberikan kepada murid yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menjelaskan bahawa kaedah penentuan peruntukan pembangunan bagi setiap aliran sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan, keutamaan serta bilangan projek-projek sekolah. Walaupun peruntukan ini disalurkan mengikut aliran sekolah, namun terdapat sebilangan sekolah jenis kebangsaan Cina- SJKC, dan sekolah jenis kebangsaan Tamil- SJKT, dikategorikan sebagai sekolah kerajaan. Justeru, peruntukan bagi sekolah-sekolah ini turut disalurkan melalui peruntukan kepada sekolah kebangsaan. Bagi SJKC dan SJKT yang bukan dikategorikan sebagai sekolah kerajaan pula, diberikan peruntukan khas di bawah butiran bantuan modal.

Bagi keperluan penyelenggaraan sekolah, bantuan kewangan yang disalurkan kepada sekolah bantuan kerajaan adalah dalam bentuk sumbangan bantuan modal yang perlu dipohon oleh pihak sekolah mengikut prosedur sedia ada Kementerian Pendidikan Malaysia. Bantuan modal ini adalah bagi membantu sekolah untuk menambah baik dan menaik taraf kemudahan sekolah seperti mengubah suai bangunan sedia ada untuk keperluan pendidikan, membina bangunan tambahan, serta mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis baharu dan bangunan tambahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk penyelenggaraan telah diberikan secara berterusan oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan untuk sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan Bermula tahun 2012 hingga tahun 2014, peruntukan tersebut diturunkan dalam bentuk Pakej Rangsangan Khas. Pada tahun 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi mengumumkan peruntukan penyelenggaraan sekolah bantuan modal. Peruntukan tersebut menggunakan peruntukan pengurusan yang disalurkan melalui Tabung Penyelenggaraan Sekolah.

Saya kecewa apabila Yang Berhormat membuat tuduhan yang tidak berbasas walaupun sudah banyak kali kerajaan memberi penjelasan akan isu ini. Tuduhan bahawa pengurangan peruntukan penyelenggaraan untuk semua aliran sekolah ini adalah tidak tepat sama sekali. Jika kita melihat kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan pada tahun 2014 dan 2015, menjelaskan sebaliknya. SJKC mendapat peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM49.9 juta pada tahun 2014 dan RM50 juta pada tahun 2015. SJKT pula mendapat RM7.3 juta pada tahun 2014 tetapi telah meningkat kepada RM117.6 juta pada tahun 2015. Sekolah Mubaligh mendapat RM49.3 juta tahun 2014 dan RM50 juta tahun 2015. Manakala SMJK mendapat RM15 juta tahun 2014, juga meningkat kepada RM25 juta pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pengagihan peruntukan adalah berdasarkan keperluan sebenar sekolah-sekolah berkaitan yang dipohon melalui peruntukan tahunan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan, Surat-surat Pekeliling Kewangan, Garis Panduan serta lain-lain peraturan yang berkuat kuasa. Oleh itu jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan berubah berdasarkan keperluan sebenar dan bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai agensi utama Kerajaan Pusat sentiasa berkongsi cabaran menghadapi kekangan kewangan yang berlaku secara global. Keadaan ini turut dialami oleh kementerian, agensi kerajaan lain yang memerlukan penyelarasan semula perbelanjaan kerajaan. Jika zaman mewah kita merasa lebih nikmat pembangunan maka adalah adil, pada masa ini kita dapat bersama-sama membantu kerajaan mengambil langkah berhemah dalam perbelanjaan untuk kemajuan negara yang lebih baik pada masa hadapan. Dalam konteks ini adalah tidak adil Ahli Yang Berhormat membuat perbandingan jumlah peruntukan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 kerana keperluan sebenar sekolah dan kedudukan kewangan kerajaan bukannya dalam keadaan statik.

Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan bahawa isu peruntukan penyelenggaraan sekolah tidak sama sekali menjejaskan operasi sekolah. Saban tahun, murid kita makin bertambah dan dapat meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Peruntukan belanja mengurus dan pembangunan yang disediakan secara berterusan oleh kerajaan berjaya meningkatkan akses dan kualiti pendidikan. Manakala kutipan dana oleh pihak PIBG atau LPS telah lama diamalkan dalam sistem pendidikan untuk menyokong dan membantu pihak sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan usaha murni ini sebagai satu bentuk perkongsian bijak antara sekolah dengan masyarakat. Perkara ini selaras dengan Program Sarana Sekolah dan Sarana Ibu Bapa dalam PPPM 2013-2025.

Oleh itu, Ahli Yang Berhormat tidak boleh memperkecilkan tugas mulia ibu bapa dan masyarakat membantu sekolah kerana dana diusahakan untuk pelbagai keperluan bukannya untuk tujuan pembangunan semata-mata.

Berhubung dengan peruntukan penyelenggaraan tahun 2016, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II semasa penggulungan Titah Diraja dan Bajet Tambahan 2016, juga penjelasan Menteri Pendidikan dalam jawapan di Parlimen dan saya sendiri semasa menggulung Bajet Tambahan 2016 bagi KPM, Yang Berhormat, keterangan adalah sama. Dalam Bajet 2016, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengumumkan peruntukan RM500 juta kepada sembilan kategori sekolah tanpa sebarang perincian.

Saya ulang lagi tanpa sebarang perincian. Selepas penyetaraan bajet, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *budget recalibration*, Kementerian Kewangan memperuntukkan RM70 juta untuk enam kategori sekolah iaitu, SJKT, SJKC, SMKJ *conforming school*, sekolah mubaligh, sekolah agama bantuan kerajaan dan Sekolah Rakyat Tupong dan Sekolah Kebangsaan Rakyat Jalan Haji Bolhassan, Kuching. Peruntukan ini telah diagihkan kepada sekolah-sekolah.

Dengan penjelasan ini, apakah logiknya Ahli Yang Berhormat menuduh kerajaan gagal menurunkan peruntukan kepada sekolah bantuan kerajaan pada tahun 2016. Ini merupakan fitnah yang mempunyai agenda politik kepentingan diri semata-mata.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Lebih malang apabila Ahli Yang Berhormat menuduh Kementerian Pendidikan Malaysia kononnya melakukan kesalahan tidak menurunkan peruntukan kepada sekolah dan menjadikan guru dan murid sebagai mangsa. Sedangkan selama ini Kementerian Pendidikan Malaysia dan kami pemimpin-pemimpin kerajaan berjuang dan berusaha bersungguh-sungguh menyediakan kemudahan dan menjaga kebajikan mereka. Amat memalukan apabila begitu ramai murid yang lahir dari sekolah pelbagai aliran di negara ini dan berjaya dalam hidup mereka termasuk Ahli Yang Berhormat, dianggap dizalimi oleh kerajaan. Kami berharap model diri tidak berterima kasih yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak menjadi ikutan murid-murid kita.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pembentangan Bajet 2017 yang ...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** ...Diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Oktober 2016...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pencelahan tidak dibenarkan Yang Berhormat.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Bagi peruntukan Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah, sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan ke SJKC dan SMJK ataupun *conforming schools*. Manakala anggaran jumlah peruntukan untuk sekolah menengah kebangsaan yang juga melibatkan SMJK tahun 2017 adalah sebanyak RM14,025,140,684.00. Peruntukan tersebut adalah bagi pembayaran emolumen dan kos pengoperasian sekolah dan telah disalurkan bermula 6 Januari 2017. Langkah ini membuktikan Kerajaan tidak pernah mengabaikan SMJK sebagaimana tuduhan Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana terus menyediakan peruntukan pembangunan untuk SK, SJKC, SJKT, SMK dan SMJK pada tahun ini. Sebanyak RM 500 juta diperuntukkan kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah KPM iaitu sebanyak RM250 juta untuk sekolah kebangsaan, RM50 juta untuk SJKC dan SMJK, RM50 juta untuk SJKT, RM50 juta untuk sekolah mubaligh, RM50 juta untuk sekolah berasrama penuh dan RM50 juta untuk sekolah agama bantuan kerajaan.

Sekian. Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan di bawah Usul ini tidak membenarkan pencelahan Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya faham, faham.

## Isu Rumah Mampu Milik

### 2.53 ptg.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruangan kepada saya. Terima kasih juga diucapkan kepada Timbalan Menteri yang sudi datang menjawab usul saya.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ada menyebut dalam ucapannya bahawa kerajaan berusaha untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, seramai 82 orang penduduk Kampung Baru Jelapang tertipu dengan Kerajaan BN apabila projek pembinaan rumah mereka terhenti berulang kali. Macam-macam janji kosong telah ditaburkan untuk memaksa mereka keluar daripada kawasan setinggan itu.

Akhirnya mereka diusir keluar oleh Kerajaan Negeri Perak dengan bantuan MIC, saya ulang dengan bantuan MIC pada tahun 2011. Rumah-rumah mereka telah dirobohkan serta-merta setelah diberi pelbagai janji manis. Tindakan zalim ini dilakukan beberapa hari sebelum Hari Deepavali.

Kerajaan menjanjikan untuk menyediakan rumah kos rendah dan kos sederhana mengikut kemampuan di tapak yang sama. Oleh kerana ramai di antara mereka telah berumur dan tidak mempunyai pendapatan tetap pihak bank tidak mahu menawarkan pinjaman bank. Ini menyebabkan pemaju yang dilantik tidak mahu meneruskan projek yang dicadangkan.

Kemudian saya telah berjumpa dengan penduduk-penduduk yang diusir itu pada tahun 2015. Mereka telah mengadu kepada saya tentang keperitan hidup mereka akibat janji yang tidak ditunaikan oleh kerajaan. Saya telah membawa isu ini kepada Pihak Pentadbir Tanah Kinta. Perbincangan telah diadakan beberapa kali. Sebaik sahaja ternampak hasil tiba-tiba pihak MIC kawasan itu masuk campur dan mengambil alih usaha memajukan kawasan yang dimaksudkan itu. Pemaju baru dilantik tetapi masalah pembiayaan pinjaman bank masih tidak terselesaikan.

Dalam keadaan itu projek pembinaan dimulakan tahun lalu. Bangunan rumah separuh naik tetapi tiba-tiba terhenti. Kenapa? Sekarang ini telah menjadi satu lagi projek sakit. Apakah tindakan kerajaan seterusnya? Saya mencadangkan supaya projek ini diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan membina rumah sewa beli atau RTO kepada mereka yang terlibat.

Harap tindakan diambil segera untuk membantu warga miskin kawasan itu yang amat mengharapkan bantuan kerajaan. Mohon Timbalan Menteri memberi pencerahan. Sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

### 2.56 ptg.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Batu Gajah. Saya teringat ini masa isu Kampung Buah Pala dahulu pun diusir keluar dahulu. Itu bukan masa zaman Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat kena ingat. Zalim itu lagi zalim itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Batu Gajah, saya hendak jawab kepada Yang Berhormat tentang apa tindakan yang kerajaan jalankan dahulu. Ini kerana apa yang dibentangkan dalam usul Yang Berhormat ini kebanyakannya adalah berdasarkan kepada politik semata-mata. Saya pun hendak menasihatkan supaya lain kali bila kita buat usul ini kita kena buat berdasarkan kepada fakta. Buat semakin betul-betul dan kemudian baru bawa usul. Ini kerana jawapan yang kerajaan sediakan ini akan melihatkan kepada usul yang tidak ada data dan fakta langsung tetapi seolah-olah mahu membuat tuduhan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan Program Perumahan Rakyat Jelapang, *it was known to be like that earlier*, dengan izin. Pada asalnya ia adalah merupakan satu projek susulan kepada Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) bagi penempatan semula setinggan di kawasan Jelapang di bawah Program Setinggan Sifar, Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2006. Tahun 2006 masa itu Yang Berhormat adalah kerajaan yang memerintah ataupun bukan..., bukan? Oleh kerana itu saya hendak tanya terangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat jangan tanya, dia tidak boleh menjawab.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tidak, dia angguk sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tapak yang telah pun dikenal pasti Tuan Yang di-Pertua untuk menjalankan projek perumahan PPR ini Tuan Yang di-Pertua, adalah di atas tanah kerajaan negeri berkeluasan 7.5 ekar di Wilayah Kampung Baru Jelapang Tambahan, Mukim Ulu Kinta, Daerah Kinta, negeri Perak Darul Ridzuan. Untuk makluman Yang Berhormat, keluasan tanah sedia ada ini walaupun saya sebut 7.5 ekar sebenarnya dia tidak mencukupi untuk kita tempatkan 112 orang setinggan. Sekiranya kita bangunkan secara tanah lot Rancangan Perkampungan Tersusun seperti yang dirancang pada peringkat awal.

Maka untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Perak dengan persetujuan semua penduduk 112 orang ini, penduduk kampung setinggan yang berkenaan Yang Berhormat telah pun membuat keputusan secara bersama dengan persetujuan penduduk. Supaya pembangunan perumahan berkaitan ini ditukarkan daripada Rancangan Perkampungan Tersusun ditukarkan kepada Skim Perumahan Teres Setingkat.

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan negeri, saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat tentang tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri. Maka dengan itu kerajaan negeri telah pun melantik Syarikat Forward Land Sdn. Bhd. untuk membangunkan projek yang berkenaan iaitu rumah teres setingkat berkeluasan 20x60 berharga RM48,000 sebanyak 60 unit dan rumah teres berkeluasan 20x77.5 berharga RM73,000 pada tahun 2010.

Pada tahun 2013 Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Syarikat Forward Land Sdn. Bhd. ini untuk melaksanakan projek perumahan ini terpaksa dibatalkan oleh kerajaan negeri. Walaupun dilantik oleh kerajaan negeri kalau kerajaan negeri mendapati bahawa pihak syarikat tidak memenuhi kepada permintaan hasil daripada persetujuan antara kerajaan negeri dengan penduduk setinggan seramai 120 tadi. Kerajaan negeri mendapati dia tidak memberikan pulangan yang baik berdasarkan kepada persetujuan bersama maka kerajaan negeri boleh batalkan.

Kenapa kerajaan negeri batalkan? Ini kerana pemaju tersebut bercadang untuk menaikkan harga rumah teres setingkat berkeluasan 20x60 daripada RM48,000 kepada RM78,000. Rumah teres berkeluasan 20x77.5 daripada RM73,000 kepada RM98,000. Maka kerana itu kerajaan negeri batalkan kerana cadangan pihak Syarikat Forward Land Sdn. Bhd. tidak dipersetujui, tidak mendapat kebenaran *consent* daripada pihak kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memulihkan semula pelaksanaan projek perumahan tersebut maka kerajaan negeri telah pun melantik syarikat baru. Syarikat ini bernama Syarikat Luxter Housing Development Sdn. Bhd. pada tahun 2016 untuk kita bina 112 unit rumah teres setingkat merangkumi 60 buah rumah teres bersaiz 20x60 pada harga rumah RM35,000 sebuah dan 52 buah rumah teres bersaiz 20x77.5 pada harga RM78,000 sebuah. Kenaikan RM5,000 daripada harga asal berbanding pada tahun yang pada sewaktunya dengan tahun yang asal.

Perjanjian usaha sama projek ini Tuan Yang di-Pertua telah pun ditandatangani pada 24 Oktober 2016. Kerja-kerja di tapak telah pun bermula tiga bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani iaitu pada 24 Januari 2017. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini akan siap dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh ditandatangani iaitu pada 23 Oktober 2018.

Saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya kenapa dia terhenti tiba-tiba? Terhenti kerana pihak pemaju kini sedang menunggu pengeluaran hak milik individu Yang Berhormat daripada Pejabat Tanah dan Galian untuk projek penjualan dan pinjaman *for end financing*. Untuk pembeli-pembeli rumah yang terdiri daripada 112 ini peserta setinggan Jelapang. Jadi oleh kerana ramai di antara penduduk ini dia terdiri daripada warga tua, berumur maka pinjaman berbentuk *joint loan* antara anak ataupun saudara mara perlu diusahakan.

Dijangkakan Tuan Yang di-Pertua, selesai sahaja pengeluaran hak milik sementara bagi lot-lot yang berkenaan maka selesai dan akan diselesaikan *insya-Allah* pada bulan April ini setelah bayaran premium dengan draf pengeluaran hak milik dijelaskan oleh pemaju.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sebutkan dalam usul Yang Berhormat ini kalau kita tengok kepada usul Yang Berhormat ini. Mereka telah diusir keluar oleh kerajaan negeri. Ini adalah perkara yang tidak benar. Mungkin agaknya Yang Berhormat dapat maklumat yang tidak benar daripada mereka ataupun Yang Berhormat sendiri yang menanamkan maklumat yang tidak benar kepada mereka, *is either or*. Saya tidak fikir penduduk kampung setinggan ini ia mahu meletakkan ketidakpercayaan kepada kerajaan negeri apabila kerajaan negeri sendiri telah berunding dengan pihak mereka. Jadi saya hendak nasihatkan Yang Berhormat supaya percaya dan yakinlah di atas usaha yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Perak.

Soalan kepada Yang Berhormat sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang tidak untuk campur tangan untuk mengambil alih program perumahan tersebut untuk dijadikan RTO dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat buat sementara waktu ini pihak kementerian berpendapat tidak perlu campur tangan daripada pihak kementerian kerana pihak kementerian yakin dengan usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak. Juga yakin kerajaan akan selesaikan masalah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sesi usul di Kamar Khas ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 5 April 2017.

**[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.03 petang]**